

Kecederaan pekerjaan meningkat 58.9%

Kuala Lumpur: Kecelakaan pekerjaan di Malaysia meningkat 58.9 peratus kepada 34,216 kes pada 2022 berbanding 21,534 kes pada tahun sebelumnya, menurut statistik dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menerusi kenyataan media mengenai Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara bagi 2022 memaklumkan ini menjadikan kadar kecederaan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja meningkat kepada 2.22 pada 2022 berbanding 1.43 pada 2021.

“Bagi kecederaan peker-

jaan bukan maut, jumlah kes adalah 33,899, merekodkan peningkatan ketara iaitu 59.7 peratus berbanding 21,233 kes pada 2021. Oleh itu, kadar kecederaan pekerjaan bukan maut bagi setiap 1,000 pekerja mencatatkan kenaikan 2.20 pada 2022 berbanding 1.41 pada 2021.

“Sementara itu, sejumlah 317 kes kecederaan pekerjaan maut pada 2022, meningkat 16 kes berbanding 301 kes pada tahun sebelumnya. Ini digambarkan dengan kadar kecederaan pekerjaan maut lebih tinggi bagi setiap 100,000 pekerja iaitu 2.06 pada 2022, lebih tinggi daripada 2.00 pada 2021,” katanya.